

# Lima ikut serta

Berangkat esok untuk  
wakili Singapura  
sempena Sukan SEA

“Tentu sekali kami berasa hampa kerana silat tidak disertakan dalam Sukan SEA kali ini, tetapi kejohanan ini sempena temasya sukan itu sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit kepuasan kepada para pesilat yang telah membuat persiapan lebih awal.”

— Mohd Khamin Said.

23 NOV 1991

Oleh SAPARIN RASIKIN

LIMA pesilat, termasuk satu acara kesenian, akan mewakili Singapura dalam Kejohanan Silat Asia Tenggara di Manila dari 25 November ini.

Mereka ialah A. Talib Tambi (kelas A — 40kg hingga 45kg), Azman Amat (kelas D — 55kg hingga 60kg), Sheik Alauddin Yaacob (kelas I — 80kg hingga 85kg), Badriah Hosni (wanita kelas B - 45kg hingga 50kg) dan Mohsen Mokti (silat kesenian). **23 NOV 1991**

Menurut setiausaha satu Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Mohd Khamin Said, enam negara telah pun mengesahkan penyertaan mereka dalam kejohanan yang dijalankan sempena Sukan SEA itu.

Selain daripada Singapura dan tuan rumah, Filipina, negara-negara yang memeriahkan kejohanan ini ialah Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand.

Kejohanan ini diadakan sebagai acara sampingan selepas tidak termasuk dalam acara rasmi Sukan SEA meskipun ia telah ditandingkan dalam sukan di Jakarta 1987 dan di Kuala Lumpur dua tahun lalu.

Menurut Khamin, para pesilat Singapura adalah juara bagi kelas masing-masing dalam Kejohanan Pesta Sukan Ogos lalu.

Kecuali Mohsen, yang ditaja oleh Persatuan Kemuning di mana beliau adalah anggotanya, pemergian empat pesilat yang lain adalah dibiayai oleh Majlis Sukan Singapura (SSC) di bawah Rancangan Bantuan Kecemerlangan Sukan (Seap).

Sungguhpun tidak termasuk dalam acara Sukan SEA, namun kejohanan sampingan ini dijangka memberikan sedikit kepuasan kepada setiap peserta.

“Tentu sekali kami berasa hampa kerana silat tidak disertakan dalam Sukan SEA kali ini, tetapi kejohanan ini sempena temasya sukan itu



**HARAPAN MENANG:** Badriah Hosni, satu-satunya peserta wanita yang dijangka dapat mencatatkan kemenangan.

sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit kepuasan kepada para pesilat yang telah membuat persiapan lebih awal," jelas Khamin.

"Saya percaya, mereka akan tetap berusaha menunjukkan persembahan terbaik bagi mengecap kejayaan meskipun pingat yang dipungut tidak termasuk dalam pungutan rasmi."

Beliau menjangka pesilat-pesilat berpengalaman seperti Sheik Alauddin, Azman dan Badriah sebagai mempunyai harapan untuk mencapai kejayaan.

Bagaimanapun, Khamin menyedari saingan hebat yang bakal dihadapi oleh para pesilatnya daripada para peserta Indonesia dan Malaysia.

Presiden Persisi, Haji A. Rahman Ismail, yang juga naib presiden Persatuan Pesilat Antarabangsa (Persilat) akan memimpin rombongan



**MOHD KHAMIN SAID:**  
Setiausaha Satu Persisi.  
Singapura.

Para pegawai lain ialah Abdullah Safiee Mohd Sidek (ketua delegasi), Haji Sayuti Hussin (pengurus pasukan), Haji Snib Selamat (jurulatih), Jamaluddin Jamil, Aej Karma, Abdul Latiff Abdul Rahman, Jamaluddin Malek Attan (jurulatih) dan Mohd Khamin (Dewan Hakim).

Rombongan Singapura dijadualkan berlepas ke Manila esok.

**23 NOV 1991**